

REKA BENTUK INSTRUKSIONAL BAHAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN BAGI PENDIDIKAN ISLAM BERDASARKAN PERBINCANGAN KUMPULAN BERFOKUS (PKB)

INSTRUCTIONAL DESIGN OF ONLINE LEARNING MATERIALS FOR ISLAMIC EDUCATION BASED ON FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD)

Fatin Nabilah Abdul Wahid^{1*}
Mahfuzah Mohammed Zabidi²
Norhapizah Binti Mohd Burhan³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: afatinna@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: mahfuzah3051@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, 26400 Bandar Tun Razak, Pahang, Malaysia
(E-mail: izahuaum@uitm.edu.my)

*Corresponding author: afatinna@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Abdul Wahid, F. N., Mohammed Zabidi, M., & Mohd Burhan, N. B. (2025). Reka bentuk instruksional bahan pembelajaran dalam talian bagi Pendidikan Islam berdasarkan perbincangan kumpulan berfokus (PKB). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 54 – 63.

Abstrak: Penggunaan platform dalam talian bagi Pendidikan Islam semakin meluas, namun isu kualiti bahan pembelajaran yang dihasilkan masih tidak konsisten. Kajian ini bertujuan mengenal pasti elemen utama dalam reka bentuk instruksional untuk membangunkan bahan pembelajaran dalam talian yang berkesan dalam konteks Pendidikan Islam. Seramai 15 orang pakar daripada pelbagai bidang dipilih secara bertujuan untuk terlibat dalam perbincangan kumpulan berfokus, dan data dianalisis secara deskriptif. Instrumen penilaian menggunakan soal selidik berstruktur dengan respons dikotomi (“Diterima” atau “Ditolak”) serta ruang catatan justifikasi. Penilaian merangkumi elemen rekabentuk, nota, video kuliah, bentuk penyampaian, karakter penyampaian, durasi, jarak transaksi, dan elemen multimedia. Kajian menunjukkan bahan pembelajaran dalam talian yang sesuai adalah nota ringkas, video kuliah berdurasi (3–5 minit), penyampaian berstruktur oleh pensyarah sebenar, serta penggunaan multimedia teks, grafik, audio, dan video yang jelas. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa reka bentuk instruksional bahan pembelajaran dalam talian Pendidikan Islam perlu berstruktur, interaktif dan autentik, agar pembelajaran bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi juga membentuk nilai serta kemahiran insaniah pelajar.

Kata Kunci: Reka bentuk instruksional, pembelajaran dalam talian, Pendidikan Islam, Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD), MOOC

Abstract: *The use of online platforms for Islamic Education is becoming increasingly widespread; however, the quality of the learning materials produced remains inconsistent. This study aims to identify the key elements of instructional design for developing effective online learning materials in the context of Islamic Education. A total of 15 experts from various fields were purposively selected to participate in focus group discussions, and the data were analyzed descriptively. The evaluation instrument employed a structured questionnaire with dichotomous responses (“Accepted” or “Rejected”) along with a notes section for justification. The evaluation covered elements of design, notes, lecture videos, modes of delivery, delivery characteristics, duration, transactional distance, and multimedia components. The findings indicate that appropriate online learning materials consist of concise notes, lecture videos with an optimal duration of 3–5 minutes, structured delivery by real lecturers, and the use of clear multimedia elements including text, graphics, audio, and video. In conclusion, the study emphasizes that the instructional design of online learning materials for Islamic Education should be structured, interactive, and authentic, so that learning not only conveys knowledge but also shapes students’ values and soft skills.*

Keywords: *Instructional design, online learning, Islamic Education, FGD, MOOC*

Pengenalan

Perkembangan teknologi digital telah membawa transformasi besar dalam landskap pendidikan global, termasuklah dalam Pendidikan Islam. Pengajaran tidak lagi terbatas kepada bilik darjah fizikal, sebaliknya telah diperluas melalui Massive Open Online Courses (MOOCs), platform e-pembelajaran, dan aplikasi mudah alih yang membolehkan akses kepada sumber ilmu tanpa sempadan (Ibrahim, M. A., 2025; Lubis, M. A., 2022). Perubahan ini menjadi lebih mendesak pascapandemik COVID-19, apabila institusi pendidikan di seluruh dunia terpaksa beralih kepada pembelajaran maya sebagai norma baharu (Bozkurt et al., 2020). Perkembangan ini bukan sahaja mengubah cara penyampaian ilmu, malah turut mempengaruhi peranan guru sebagai fasilitator, bukan sekadar penyampai kandungan.

Penggunaan platform dalam talian untuk Pendidikan Islam semakin meluas namun kualiti bahan pembelajaran yang dihasilkan masih tidak konsisten. Sebahagian guru dan pensyarah cenderung memindahkan nota tradisional atau kuliah panjang secara langsung ke platform digital tanpa menyesuaikan reka bentuknya mengikut prinsip pedagogi dalam talian (Sanusi 2024; Abdullah, 2024; Rashed, Z. N., 2020). Hal ini mengakibatkan pelajar mudah hilang tumpuan, kurang bermotivasi, serta tidak mencapai hasil pembelajaran yang dihasratkan (Dhawan, 2020; Bozkurt et al., 2020). Tambahan pula, kurangnya garis panduan khusus yang berasaskan perspektif pakar dalam Pendidikan Islam dan teknologi pendidikan menyebabkan bahan yang dibangunkan sering kali tidak interaktif, tidak berstruktur, dan kurang menekankan integrasi nilai Islam dengan teknologi moden (Aziz & Wahid, 2023; Ismail et al., 2024).

Kajian terkini turut menekankan bahawa keberkesanan pendidikan digital sangat bergantung kepada reka bentuk instruksional yang teliti dan pemilihan bahan multimedia yang sesuai, bukannya sekadar memindahkan kandungan konvensional ke atas talian (Mayer, 2020; Monib et al., 2024; Silva et al., 2025). Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengisi jurang tersebut dengan membangunkan kerangka reka bentuk instruksional yang berpaksikan perbincangan oleh pakar, agar bahan pembelajaran Pendidikan Islam dalam talian dapat lebih efektif, autentik, dan berimpak kepada pembangunan ilmu dan sahsiah pelajar.

Kajian Literatur

Pengajaran dalam talian

Pengajaran dalam talian telah menjadi satu norma baharu dalam ekosistem pendidikan global, terutamanya selepas pandemik COVID-19 yang memaksa peralihan mendadak daripada bilik darjah fizikal kepada platform maya. Perubahan ini membuka peluang untuk pembelajaran lebih fleksibel, inklusif dan dapat diakses merentas sempadan geografi. Kajian antarabangsa melaporkan bahawa pelaksanaan pembelajaran dalam talian bukan sahaja memberi kesinambungan pendidikan, tetapi juga meningkatkan keupayaan institusi untuk melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat (Bozkurt et al., 2020; Dhawan, 2020). Walau bagaimanapun, keberkesanan pengajaran dalam talian banyak bergantung kepada reka bentuk instruksional yang berstruktur serta sokongan teknologi yang sesuai dengan konteks pelajar.

Penggunaan platform dalam talian bagi Pendidikan Islam memerlukan reka bentuk instruksional yang dinamik dan tidak sekadar memindahkan kandungan tradisional ke medium digital. Sebaliknya, ia perlu berasaskan pendekatan eksplisit, berprinsip, serta berpaksikan nilai agar pengalaman pembelajaran kekal bermakna, beretika, dan berimpak (Rodiatul Hasanah et al., 2025). Kerangka 7Cs Learning Design menekankan elemen *communicate*, *collaborate*, dan *create* sebagai tunjang pembangunan aktiviti pembelajaran yang koheren dan bermakna (El Vionna et al., 2022), sekaligus memberi panduan jelas bagaimana bahan pengajaran boleh diterjemahkan kepada pengalaman instruksional yang lebih berstruktur. Thornhill-Miller (2023) turut menegaskan bahawa pendidikan abad ke-21 perlu dirancang untuk membina secara eksplisit keempat-empat dimensi kemahiran “4Cs” iaitu komunikasi, kolaborasi, kreativiti, dan pemikiran kritikal sebagai asas kompetensi pelajar dalam ekosistem digital. Justeru, proses penciptaan bahan pengajaran perlu diberi penekanan bukan sekadar sebagai hasil akhir, tetapi sebagai ruang kolaboratif yang melibatkan pelajar dan pendidik secara aktif dalam membentuk struktur instruksional yang telus, boleh diulang nilai, dan sejajar dengan amalan reka bentuk berasaskan kolaborasi (Papageorgiou, 2025).

Bahan Pembelajaran dalam talian

Bahan pengajaran Pendidikan Islam secara dalam talian merupakan asas penting dalam reka bentuk instruksional. Penyediaannya bermula dengan nota ringkas yang menjelaskan hasil pembelajaran, diikuti contoh amali seperti akidah, ibadah dan akhlak, serta ringkasan refleksi (Malizal, 2025). Kajian menunjukkan pemilihan bahan perlu mengekalkan keaslian penyampaian pensyarah, menepati budaya setempat dan selari dengan kurikulum. Pengalaman pascapandemik turut membuktikan keberkesanan penggunaan platform seperti Google Classroom, Google Meet dan YouTube untuk menyusun nota, bahan tambahan dan rakaman kuliah (Azman, Hamzah & Baharudin, 2025). Pada masa yang sama, kurikulum Islam perlu diperbaharui dengan mengekalkan nilai teras sambil mengintegrasikan sumber digital. Penyelidikan semasa juga mendapati guru Pendidikan Islam (GPI) semakin bersedia menggunakan strategi digital dalam memilih bahan yang sesuai, mudah diakses dan mematuhi etika (Zahraini et al., 2025).

Keperluan membangunkan bahan pembelajaran dalam talian berpunca daripada keperluan pedagogi moden yang menekankan pembelajaran aktif, berpusatkan pelajar, dan berasaskan konstruktivisme. Kajian Mayer, R. E. (2020) menegaskan bahawa reka bentuk multimedia yang menggabungkan teks, grafik, audio dan video dapat meningkatkan pemahaman dan mengurangkan beban kognitif. Begitu juga, pendekatan mikropembelajaran yang memecahkan isi kandungan kepada topik-topik kecil terbukti meningkatkan tumpuan, retensi, dan motivasi

pelajar (Monib et al., 2024; Silva et al., 2025). Dalam Pendidikan Islam, strategi ini dapat diaplikasikan untuk menyampaikan topik seperti ibadah, akidah dan akhlak secara berperingkat, sambil memastikan pelajar dapat membuat refleksi nilai secara berkesinambungan (Idris, 2023; Al-Khalidi, 2022).

Pembangunan bahan pembelajaran dalam talian tidak hanya bertujuan menyampaikan ilmu, tetapi juga memupuk nilai, etika, dan amalan beragama. Kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam memerlukan sokongan bahan digital yang sahih, mudah diakses, dan sesuai dengan kerangka nilai Islam bagi memastikan pelajar bukan sahaja menguasai ilmu, tetapi juga menghayati maknanya dalam kehidupan seharian (Ismail et al., 2024; Aziz & Wahid, 2023). Penggunaan platform seperti YouTube untuk video kuliah pendek, aktiviti interaktif, dan Google Classroom untuk tugas terbukti meningkatkan penglibatan dan keberkesanan pembelajaran (Olivares-De la Fuente et al., 2025; Jacob et al., 2024). Oleh itu, membangunkan bahan pembelajaran dalam talian yang menekankan kesahihan kandungan, kepelbagaian media, dan interaktiviti adalah satu keperluan mendesak untuk memastikan Pendidikan Islam kekal relevan dan berimpak dalam era transformasi digital.

Selain itu, video merupakan komponen utama dalam penyampaian pembelajaran. Kuliah yang berstruktur dengan durasi pendek (3–5 minit) didapati lebih berkesan untuk menarik penglibatan pelajar berbanding gaya lain. Kajian terkini dalam persekitaran pendidikan digital menunjukkan bahawa tempoh tumpuan optimum pelajar ialah sekitar 6 minit atau kurang. Ciri yang disarankan termasuk gaya pertuturan yang bertenaga, penjelasan yang berperingkat, serta visual yang ringkas. Pendekatan ini menyokong penggunaan kaedah *talking-head* bersama slaid bagi mengekalkan keaslian pensyarah dan menarik pelajar untuk berinteraksi dan bersosial secara dalam talian (Gutiérrez-González et al., 2024; Gutiérrez-González et al., 2025; Veetil, 2025). Selaras dengan itu, penggunaan kuliah mikro (*micro-lecture*) yang berstruktur, dibahagikan kepada beberapa bab, disertai teks sokongan dan soalan refleksi ringkas untuk memastikan keberkesanan pembelajaran digital (eLearningIndustry, 2024).

Justeru, pembangunan bahan pembelajaran dalam talian untuk Pendidikan Islam adalah suatu keperluan jangka panjang yang bukan sekadar respons kepada pandemik, tetapi juga sebagai strategi keberlanjutan dalam menghadapi era Revolusi Industri 4.0 dan seterusnya. Kajian global menekankan bahawa keberkesanan pendidikan digital bergantung kepada keserasian antara kandungan, teknologi, dan budaya pembelajaran (Bozkurt et al., 2020; Sangrà et al., 2021). Oleh itu, dalam konteks Pendidikan Islam, bahan pembelajaran perlu dibangunkan dengan menitikberatkan aspek kesahihan kandungan. Dengan menyediakan bahan yang fleksibel dan mudah dicapai, pelajar bukan sahaja dapat belajar mengikut kadar sendiri, malah berpeluang mengintegrasikan ilmu Islam dengan kemahiran digital yang relevan dengan keperluan semasa. Hal ini sekaligus memastikan Pendidikan Islam tidak ketinggalan dalam arus globalisasi pendidikan, malah kekal relevan dalam membina modal insan Muslim yang seimbang, berilmu dan berakhlak mulia (Idris, 2023; Olivares-De la Fuente et al., 2025).

Metodologi

Kajian ini menggunakan teknik Perbincangan Kumpulan Berfokus (PKB) untuk mengumpulkan sekumpulan individu bagi membincangkan topik tertentu, yang bertujuan untuk berkongsi pengalaman, kepercayaan, persepsi dan pandangan terhadap sikap peserta melalui perbincangan (Nyumba et al. 2018). Seramai 15 orang pakar telah dipilih secara bertujuan untuk terlibat dalam kajian ini. Pemilihan pakar didasarkan pada beberapa ciri utama, iaitu kepakaran dalam bidang Pendidikan Islam, penguasaan dalam pedagogi, serta pengalaman dalam

teknologi pendidikan. Selain itu, pakar yang dipilih juga mempunyai rekod profesional yang luas, termasuk penglibatan dalam pembangunan kurikulum, reka bentuk instruksional dan projek inovasi pendidikan. Kepelbagaian latar belakang pakar, yang merangkumi pensyarah universiti (6 orang), guru Pendidikan Islam (4 orang), dan pakar teknologi pendidikan (5 orang), membolehkan dapatan kajian diperoleh secara komprehensif dan mewakili pelbagai perspektif. Menurut Morgan (1997), kumpulan fokus yang dirancang dengan baik dan terdiri dari antara 6 hingga 12 orang peserta. Manakala, instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik berstruktur dengan kategori “Diterima” dan “Ditolak,” serta ruang catatan justifikasi. Terdapat 8 elemen dan 28 item yang dinilai. Data perbincangan kemudiannya dianalisis secara deskriptif, dengan fokus kepada jumlah pakar yang bersetuju atau menolak setiap item.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini memfokuskan kepada analisis Perbincangan Kumpulan Berfokus terhadap 15 orang pakar berhubung reka bentuk pengajaran dalam talian untuk Pendidikan Islam, yang meliputi elemen rekabentuk, nota, video kuliah, bentuk penyampaian, karakter penyampaian, durasi, jarak transaksi, dan elemen multimedia yang sesuai. Dapatan ini bukan sahaja menggambarkan tahap penerimaan pakar terhadap komponen yang dicadangkan, malah memperlihatkan justifikasi praktikal dan pedagogi di sebaliknya. Hasil daripada perbincangan 15 orang pakar dari pelbagai bidang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Elemen Reka Bentuk bahan pengajaran Pendidikan Islam Dalam Talian Menurut Pandangan Pakar

Item	Diterima Ditolak		Catatan
i. Elemen reka bentuk			
Kefahaman	15	0	Elemen asas penting
Komunikasi	15	0	Interaksi 2 hala penting
Kolaborasi	15	0	Tingkatkan kemahiran insaniah
Rekaan	15	0	Menghasilkan produk pembelajaran
ii. Nota			
Buku ringkasan	15	0	Kandungan terfokus (micro-lecture), poin berperingkat, disokong contoh dan ringkasan.
PowerPoint/Prezi/canva	15	0	Slide ringkas 10-12 slaid/topik, visual jelas, fon tulisan besar, ada disediakan pautan sumber & bacaan lanjut.
iii. Video Kuliah			
YouTube	15	0	Akses mudah, caption/CC, senarai main mengikut topik, privasi “unlisted”.
Biteable	10	5	Sesuai intro/infografik animasi; elak guna berlebihan untuk topik berat.
Powtoon	11	4	Baik untuk teaser/peneguhan; gabung dengan rakaman wajah pensyarah.
iv. Bentuk Penyampaian			
Berstruktur	15	0	Objektif → isi teras → contoh → ringkasan → soalan refleksi.
Separa berstruktur	12	3	Sesuai untuk perbincangan isu semasa/soal jawab.

Item	Diterima Ditolak		Catatan
Tidak berstruktur	3	12	Tidak disarankan; sukar untuk mengenalpasti hasil pembelajaran & penilaian.
v. Karakter Penyampaian			
Watak sebenar (pensyarah)	14	1	Autentik, memupuk kehadiran sosial; gunakan “ <i>talking-head + slaid</i> ”.
Avatar	8	7	Sesuai topik sensitif/privasi; perlu suara jelas & skrip padat.
Animasi	10	5	Baik untuk konsep abstrak; hadkan teks, ikut prinsip tahap kognitif.
vi. Durasi			
3 minit	13	2	Sangat sesuai untuk micro-content/ peneguhan.
5 minit	15	0	Tempoh optimum bagi topik teras berstruktur.
7 minit	7	8	Dibenarkan untuk topik kompleks; pecahkan kepada segmen.
vii. Jarak transaksi			
Sangat rendah	5	10	Risiko “over-scaffolding”; gunakan hanya pada minggu awal.
Rendah	13	2	Disukai: arahan jelas, FAQ, respon forum ≤48 jam.
Sederhana	12	3	Seimbang autonomi & bimbingan; sesuai kelas besar.
Tinggi	1	14	Elak: pelajar rasa terasing, kadar putus tinggi.
Sangat tinggi	0	15	Tidak disyorkan.
viii. Elemen Multimedia			
Teks	15	0	Ringkas, berhierarki (tajuk/subtajuk/bulet), glosari istilah.
Grafik	15	0	Infografik, rajah konsep, ikon konsisten.
Animasi	12	3	Gunakan untuk proses/urutan; elak hiasan berlebihan.
Audio	15	0	Suara jelas, kebisingan rendah; sediakan transkrip.
Video	15	0	Resolusi ≥720p, caption, bab (chapters).

Dapatan kajian ini diperoleh melalui penilaian pakar terhadap beberapa komponen utama reka bentuk instruksional bahan pembelajaran dalam talian Pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, penilaian meliputi empat aspek utama iaitu elemen reka bentuk, bahan pengajaran, aktiviti pembelajaran serta aplikasi perkongsian dan multimedia.

Elemen Reka Bentuk

Dapatan menunjukkan bahawa semua pakar (15/15) sebulat suara bersetuju dengan empat elemen utama reka bentuk pengajaran dalam talian, iaitu kefahaman, komunikasi, kolaborasi dan rekaan. Hal ini menegaskan bahawa reka bentuk instruksional perlu berpaksikan kepada asas pemahaman ilmu yang jelas, interaksi dua hala yang berkesan, pembangunan kemahiran

insanilah melalui kolaborasi, serta penciptaan produk pembelajaran sebagai hasil akhir. Penemuan ini selari dengan kerangka 7Cs Learning Design yang mengutamakan communicate, collaborate dan create sebagai tunjang reka bentuk instruksional bermakna (El Vionna et al., 2022). Dalam konteks Pendidikan Islam, elemen penciptaan hasil pembelajaran kreatif turut dianggap penting kerana ia bukan sahaja mengukur domain kognitif, malah menzahirkan aspek afektif dan psikomotor pelajar.

Bahan Pengajaran

Dari sudut bahan pengajaran, semua pakar menekankan keutamaan penggunaan nota ringkas sama ada dalam bentuk buku ringkasan, PowerPoint atau Prezi. Nota yang ringkas dan disertakan contoh dianggap lebih sesuai kerana dapat menstrukturkan pembelajaran pelajar secara berperingkat, mengurangkan beban kognitif, serta meningkatkan kefahaman berbanding teks panjang yang tidak berstruktur. Kajian Brame (2016) turut mengesahkan bahawa bahan pengajaran digital yang ringkas, visual, dan berhierarki lebih mudah difahami dan membantu pelajar mengekalkan fokus. Justeru, penggunaan nota interaktif merupakan strategi efektif untuk menyampaikan isi kandungan Pendidikan Islam dengan lebih jelas, mudah dicapai dan mesra pelajar.

Aktiviti Pembelajaran

Bagi aktiviti pembelajaran, elemen video kuliah menjadi fokus utama. Semua pakar (15/15) memilih YouTube sebagai medium utama kerana akses yang luas, sokongan sari kata, serta kemudahan menyusun senarai kandungan mengikut topik. Aplikasi seperti Biteable (10/15) dan Powtoon (11/15) pula hanya sesuai untuk pengenalan atau peneguhan isi. Dari segi bentuk penyampaian, pendekatan berstruktur dipersetujui sepenuhnya (15/15) sebagai strategi terbaik, diikuti separa berstruktur (12/15). Konsensus ini selaras dengan dapatan Guo et al. (2014) yang mendapati video berstruktur, pendek dan menggunakan *talking-head* meningkatkan penglibatan pelajar secara signifikan. Tambahan pula, majoriti pakar (14/15) menegaskan bahawa watak sebenar pensyarah lebih autentik dan mampu mewujudkan kehadiran sosial, manakala avatar atau animasi sesuai digunakan hanya untuk topik sensitif atau konsep abstrak. Dari aspek durasi, tempoh lima minit dipersetujui sebagai masa optimum, dengan tiga minit lebih sesuai untuk kandungan berbentuk peneguhan. Penemuan ini selari dengan cadangan Mayer (2020) yang menekankan kepentingan video pendek untuk mengelakkan *cognitive overload*.

Aplikasi Perkongsian dan Multimedia

Akhir sekali, elemen aplikasi perkongsian dan multimedia turut mendapat persetujuan majoriti pakar. Semua pakar bersetuju bahawa teks, grafik, audio dan video mesti disepadukan dalam pembelajaran, manakala animasi diterima oleh 12/15 pakar. Konsensus ini memperkukuh prinsip multimedia learning yang menegaskan keberkesanan gabungan pelbagai medium berbanding penggunaan satu medium semata-mata (Wahid, 2024; Greenhow & Chapman, 2020). Dalam konteks Pendidikan Islam, integrasi multimedia ini tidak hanya menyokong pemahaman kognitif, tetapi juga mendorong pengalaman pembelajaran yang lebih reflektif, menarik dan sesuai dengan ciri generasi digital. Platform perkongsian seperti Google Classroom, Google Meet dan YouTube pula terbukti berkesan dalam mengurus nota, rakaman kuliah dan artefak digital secara sistematik, sekali gus memastikan kesinambungan kurikulum dapat dicapai.

Kesimpulan

Keseluruhannya, konsensus 15 pakar menunjukkan bahawa Pengajaran Pendidikan Islam dalam talian perlu dibina dengan menekankan empat elemen asas reka bentuk, iaitu kefahaman, komunikasi, kolaborasi, dan rekaan. Bahan pengajaran mestilah ringkas, berstruktur, serta menggunakan multimedia interaktif dengan video kuliah berdurasi pendek. Aktiviti pembelajaran berasaskan *active learning* seperti projek, refleksi, dan pembentangan poster perlu digabungkan dengan aplikasi digital seperti Google Meet dan YouTube untuk memastikan pembelajaran lebih autentik dan kolaboratif. Dengan pendekatan ini, pembelajaran dalam talian bukan sahaja dapat meningkatkan kefahaman pelajar, malah dapat membentuk kemahiran insaniah dan jati diri Muslim yang lebih holistik.

Penghargaan

Kajian ini telah mendapat penajaan daripada Geran MYRA-PHD 2023/2; PY/2023/01229; RD/85/014/2023. Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ACIS UiTM Shah Alam kerana telah menyediakan kemudahan untuk penulisan artikel ini.

Rujukan

- Al-Khalidi, H. (2022). Digital transformation in Islamic education: Challenges and opportunities. *Journal of Islamic Education Studies*, 12(2), 55–67.
- Abdullah, S. (2024). Evaluating the impact of online Islamic learning among youth: A study of confusion and pseudo-worship. *HTS Teologiese Studies / Theological Studies*, 80, Article 9510.
- Ahmad, M. R., Wahid, F. N., & Zabid, M. M. (2024). Reka Bentuk Pembelajaran Huruf Jawi Berasaskan Gamifikasi Untuk Murid Prasekolah: Designing A Jawi Alphabet Gamification For Preschool Students. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 186–192.
- Aziz, N., & Wahid, F. (2023). Teachers' readiness for digital Islamic education: A Malaysian perspective. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 11(1), 34–48.
- Azman, A., Hamzah, M. I., & Baharudin, N. H. (2025). Digital teaching strategies of Islamic Education teachers in Malaysian primary schools. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 24(2), 148–164. <https://ijlter.myres.net/index.php/ijlter/article/view/2255>
- Bozkurt, A., et al. (2020). A global outlook to the interruption of education due to COVID-19 pandemic: Navigating in a time of uncertainty and crisis. *Asian Journal of Distance Education*, 15(1), 1–126.
- Brame, C. J. (2016). Effective educational videos: Principles and guidelines for maximizing student learning from video content. *CBE—Life Sciences Education*, 15(4), es6. <https://doi.org/10.1187/cbe.16-03-0125>
- Dhawan, S. (2020). Online learning: A panacea in the time of COVID-19 crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5–22.
- El Vionna, L., Saragih, H., & Lubis, M. (2022). Mapping of instructional design of MOOC's elements. *Jurnal Pendidikan dan Teknologi*, 22(3), 45–55. <https://www.researchgate.net/publication/363588389>
- El Vionna, H., Nugroho, S. E., & Sari, D. P. (2022). Applying the 7Cs learning design framework in online higher education: Enhancing communication, collaboration, and creativity. *Journal of Educational Technology & Online Learning*, 5(2), 112–126. <https://doi.org/10.31004/jetol.v5i2.1523>
- Gutiérrez-González, E., Torres, R., & Álvarez, J. (2024). Length of videos affects student engagement in flipped learning environments: Evidence from medical education. *BMC Medical Education*, 24(62). <https://doi.org/10.1186/s12909-024-06228-x>

- Gutiérrez-González, E., Torres, R., & Álvarez, J. (2025). Short video lectures and embedded quizzes in flipped classrooms: Effects on student engagement. *Medical Teacher*, 47(3), 215–227. <https://doi.org/10.1080/10872981.2025.2479752>
- Greenhow, C., & Chapman, A. (2020). Social media and education: Reconceptualizing the boundaries of formal and informal learning. *Learning, Media and Technology*, 45(1), 1–4. <https://doi.org/10.1080/17439884.2020.1703106>
- Guo, P. J., Kim, J., & Rubin, R. (2014). How video production affects student engagement: An empirical study of MOOC videos. In *Proceedings of the First ACM Conference on Learning at Scale* (pp. 41–50). ACM.
- Ibrahim, M. A. (2025). Massive Open Online Course (MOOC): revolusi dalam pengajaran & pembelajaran. *Epitome of Nature (EON)*, 95-98.
- Idris, M. (2023). Islamic education and digital pedagogy: Towards sustainable integration. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 22(3), 120–135.
- Ismail, N., Rahman, M., & Abdullah, S. (2024). E-learning resources for Islamic education: Opportunities and challenges in Malaysia. *Journal of Educational Research and Practice*, 14(2), 77–92.
- Jacob, T., et al. (2024). Effectiveness of H5P in improving student learning outcomes. *TechTrends*, 68(3), 310–322.
- Lubis, M. A., Taib, S. H. B., Ikwana Lubis SE, M. M., & Sjahrony, A. B. (2022). Integrasi Ilmu dan Inovasi Pendekatan Digital dalam Pendidikan Islam Mendepani Era Revolusi Industri 4.0 di Universiti Kebangsaan Malaysia. *ASEAN COMPARATIVE EDUCATION RESEARCH JOURNAL ON ISLAM AND CIVILIZATION (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 5(1), 27-41.
- Malizal, M. (2025). Islamic education in the era of globalization: Curriculum reform and digital integration. *International Journal of Islamic Studies*, 7(1), 34–47. <https://journal.sinergi.or.id/index.php/ijis/article/view/711>
- Mayer, R. E. (2020). *Multimedia learning* (3rd ed.). Cambridge University Press.
- Morgan, D. L. (1997). *Focus groups as qualitative research* (Vol. 16). Sage.
- Nyumba, T. O., Wilson, K., Derrick, C. J., & Mukherjee, N. (2018). The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation.
- Mayer, R. E. (2020). *Multimedia learning* (3rd ed.). Cambridge University Press.
- Monib, W. K., et al. (2024). Microlearning beyond boundaries: A systematic review and bibliometric analysis. *Heliyon*, 10(4), e20999.
- Olivares-De la Fuente, P., et al. (2025). Twitter and YouTube as digital tools in higher education: A systematic review. *Frontiers in Education*, 10, 1548792.
- Papageorgiou, V., Meyer, E., & Ntonia, I. (2025). Harnessing the power of collaboration: how design for online learning can empower educator practices and professional development. *Pedagogy, Culture & Society*, 1-24.
- Rashed, Z. N., Hamzah, H., Zakaria, N. S., & Sani, K. (2020). Cabaran dan strategi pengajaran guru pendidikan Islam di era revolusi 4.0. *Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, 72-93.
- Rodiatul Hasanah, Lestari, E. P., Fausiyah, & Fawait, A. (2025). Learning design based on technology in Islamic education. *Journal of Modern Islamic Studies and Civilization*, 3(1), 41–50.
- Sanusi, M. (2024). Transforming Islamic Education in the Digital Age: Challenges and Opportunities for the Young Generation. *Innovative Education Journal*, 5(3), 207–225.
- Sangrà, A., Vlachopoulos, D., & Cabrera, N. (2021). Building an inclusive online learning design framework. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 22(4), 1–17.

- Silva, E. S., et al. (2025). Contribution of microlearning in basic education: A systematic review. *Education Sciences*, 15(3), 302.
- Thornhill-Miller, B., Camarda, A., Mercier, M., Burkhardt, J. M., Morisseau, T., Bourgeois-Bougrine, S.,.... & Lubart, T. (2023). Creativity, critical thinking, communication, and collaboration: Assessment, certification, and promotion of 21st century skills for the future of work and education. *Journal of Intelligence*, 11(3), 54.
- Wahid, F.N., M. Zabidi, M., Aziz, R.A., Wasli, M.M.P., Ahmad, M.R. (2024). A Serious Game for Jawi Alphabets Literacy Based on Gamification Elements. In: Khamis, R., Buallay, A. (eds) Board Diversity and Corporate Governance. CSR, Sustainability, Ethics & Governance. Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-031-53877-3_43
- Veetil, S. P. (2025). Student perceptions and effectiveness of video-based flipped classrooms in medical education. *Advances in Medical Education and Practice*, 16, 45–56. <https://doi.org/10.2147/AMEP.S537219>
- Zahraini, N., Rahman, A., & Yusuf, M. (2025). Islamic education reform in the digital age: Challenges and opportunities for a modern curriculum. *Journal of Islamic Education Research*, 15(1), 1–15. https://www.researchgate.net/publication/389672687_Islamic_Education_Reform_in_the_Digital_Age_Challenges_and_Opportunities_for_a_Modern_Curriculum